

MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)	Language	Malay
Date	30 Jun 2017	Readership	509,000
Circulation	160,000	Color	Full Color
Section	News	ArticleSize	278 cm <sup>2</sup>
Page No	35	PR Value	RM 6,612
AdValue	RM 2,204		



# Tak perlu burukkan 1MDB

Pemimpin Pakatan Harapan perlu bina kekuatan dalaman, bukan buang masa dengan isu luaran

SITI FATIHAH AWANG

**KOTA BHARU** - Pemimpin Pakatan Harapan tidak seharusnya membuang masa dengan terlalu memfokuskan isu 1MDB kerana ia tidak banyak membantu kemenangannya dalam PRU14.

Pengarah Institut Kajian Politik Malaysia (Mapan), Universiti Utara Malaysia, Dr Kamarul Zaman Yusoff berkata, rakyat sudah dua tahun dihadapkan dengan isu ini menyebabkan ia tepu dan tidak mampu mendapatkan sokongan baru kepada Pakatan Harapan.

Katanya, lebih baik tempoh tiga bulan dari Julai ke September ini diguna untuk memperkuuhkan Pakatan

Harapan berbanding membuat jelajah penerangan isu 1MDB.

"Rakyat sebenarnya sudah muak dengan isu 1MDB di mana hampir semua pengundi sudah ada maklumat yang cukup dan pendirian yang jelas mengenai isu ini.

"Apa-apa maklumat baru mengenai isu 1MDB, seperti pendedahan terbaru saman Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat baru-baru ini, tidak akan mampu memberikan penambahan yang signifikan terhadap tahap sokongan kepada Pakatan Harapan.

"Sebaliknya rakyat, ter-

utamanya golongan pengundi atas pagar, lebih berminat nak tahu apa yang Pakatan Harapan akan lakukan jika mereka ambil alih perintahan negara dari BN.

"Dalam hal ini, Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan DAP, Liew Chin Tong, pernah mengaku di dalam akhbar mingguan The Edge Malaysia bahawa Pakatan Harapan mempunyai masalah di dalam menawarkan dasar-dasar mereka," katanya.

Beliau diminta mengulas pengumuman Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bahawa Pakatan Harapan merancang mengadakan perhimpunan rakyat 'Sayang Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi' September ini bagi memberi penjelasan terkini mengenai isu 1MDB.

Perhimpunan ini adalah kemuncak kepada jelajah 1MDB di seluruh negara bermula di Kepala Batas 6 Julai ini anjuran Jawatankuasa

Bertindak 1MDB yang dibentuk bagi menyalas reaksi parti-parti pembangkang ke atas isu 1MDB.

Kamarul Zaman, yang juga Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (Iksim), berkata, Presiden Amanah, Mohamad Sabu, dalam ucapan Sidang Meja Bulat Selamatkan Malaysia pada 7 Februari lalu turut

mengakui perkara ini.

"Tegas Mohamad Sabu, isu dah terlalu banyak, sampai orang nak muntah dah, tapi persoalan yang belum selesai ialah keyakinan rakyat, khasnya orang Melayu, tentang apa akan jadi jika berlaku perubahan kerajaan.

"Oleh itu, dari buang masa dengan isu luaran, pemimpin Pakatan Harapan sepatutnya guna masa yang ada untuk bina kekuatan dalaman dan seterusnya beri keyakinan kepada rakyat mengenai kemampuan mereka yang lebih baik berbanding BN.

"Keyakinan rakyat akan terbina jika Pakatan Harapan dapat mengemukakan penyelesaian konkrit kepada segala permasalahan yang mereka hadapi melalui penawaran dasar-dasaryang keras dan tuntas.

"Jika perkara-perkara asas seperti siapa calon Perdana Menteri dari Pakatan Harapan pun mereka masih bertelagah sesama sendiri, seranglah BN sekutu mana pun tetapi rakyat tetap akan menolak kerana mereka tidak yakin Pakatan Harapan akan lebih baik dari BN," katanya.



● Pas tidak menyertai Pakatan Harapan untuk menewaskan BN.

Headline	Tak perlu burukkan 1MDB		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	30 Jun 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Color	Full Color
Page No	35	ArticleSize	278 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 2,204	PR Value	RM 6,612



KAMARUL ZAMAN